

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada syarikat 1MDB Global Investment Limited telah membuat beberapa bayaran sejumlah US\$1.243 bilion kepada syarikat Aabar antara Oktober dan November 2014. Apakah tujuan bayaran-bayaran tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bayaran yang dibuat oleh 1MDB dan anak syarikatnya, secara lazimnya dibuat sama ada untuk keperluan perniagaan, pelaburan/ penebusan pelaburan dan/atau pembayaran hutang.

Tuan Yang Dipertua,

Butiran dan tujuan pembayaran dari 1MDB Global Investments Limited telah dikongsi bersama Jabatan Audit Negara (JAN) apabila pihak JAN melaksanakan audit ke atas 1MDB. Laporan Akhir Pengauditan JAN ke atas 1MDB telah dibentangkan kepada ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) pada bulan Mac 2016. PAC pula telah menerbitkan Laporan Kawalan Pengurusan Tadbir Urus ke atas 1MDB pada bulan April 2016.